

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : SOALAN BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT**  
**KAWASAN : PETALING JAYA UTARA**  
**TARIKH BAHAS :**  
**NO. SOALAN : 520**

**TUAN WONG TIEN FATT** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai pelaburan dalam dan luar negeri secara terperinci mengikut negeri pada tahun 2017 setakat ini.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2017, Malaysia telah mencatat jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM17.0 bilion dalam sektor perkilangan, melibatkan 302 projek dan dijangka menjana 21,904 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, RM7.4 bilion atau 43.5 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM9.6 bilion atau 56.5 peratus adalah pelaburan asing.

Butir-butir pelaburan domestik dan asing mengikut negeri bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

Negeri	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Pulau Pinang	1,488.9	6,218.8	7,707.6
Melaka	2,053.0	829.4	2,882.5
Selangor	870.8	835.0	1,705.9
Johor	406.9	985.2	1,392.1
Kedah	590.3	424.3	1,014.6
Sarawak	761.9	33.1	795.0
Perlis	525.0	0.0	525.0
Negeri Sembilan	229.4	182.2	411.6
Perak	343.1	22.7	365.8

<b>Negeri</b>	<b>Pelaburan Domestik (RM juta)</b>	<b>Pelaburan Asing (RM juta)</b>	<b>Jumlah Pelaburan (RM juta)</b>
Pahang	95.2	12.0	107.2
Terengganu	20.2	35.6	55.8
W.P. Kuala Lumpur	28.6	1.9	30.5
Sabah	20.1	1.9	22.0
Kelantan	4.2	0.0	4.2
W.P. Labuan	0.0	0.0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>7,437.7</b>	<b>9,582.1</b>	<b>17,019.8</b>

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tetap komited dalam mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif, agar pelabur-pelabur asing dan tempatan terus membuat pelaburan di Malaysia serta memastikan negara sentiasa bersedia menangani cabaran-cabaran mendatang, baik dari dalam mahupun dari luar negara.